

# ADAB MURID SEKOLAH RENDAH SK SUNGAI STUTONG, KUCHING DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH SEPANJANG PKP DALAM MENGHADAPI COVID-19

**(ETIQUETTE OF ELEMENTARY SCHOOL STUDENTS AT SK SUNGAI STUTONG, KUCHING IN THE IMPLEMENTATION OF HOME-BASED TEACHING AND LEARNING DURING THE MCO AMIDST THE COVID-19 PANDEMIC)**

**Nur Raihan Binti Mohamad<sup>1</sup>**  
**Prof Madya DR Hadenan Bin Towpek<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Academi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: (reyhanis.cute86@gmail.com)

<sup>2</sup> Academi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: (hadenan298@uitm.edu.my))

## Article history

**Received date** : 24-12-2024  
**Revised date** : 25-12-2024  
**Accepted date** : 5-2-2025  
**Published date** : 9-3-2025

## To cite this document:

Mohamad, N. R., & Towpek, H. (2025). Adab murid Sekolah Rendah Sk Sungai Stutong, Kuching dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang PKP dalam menghadapi Covid-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (71), 1 - 10.

**Abstrak:** Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlulah sejajar dengan matlamat Pendidikan Negara Malaysia abad ke-21 yang bukan hanya mementingkan kepada kepentingan membudayakan ilmu, bahkan menumpukan kepada strategi pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 selaras mengikut situasi semasa. Perkara ini begitu jelas berlaku ketika seluruh negara menghadapi penularan virus Covid 19 yang memberi kesan secara langsung kepada murid sekolah diwajibkan belajar di rumah secara atas talian. Dalam usaha untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran bagi menguasai ilmu dan adab semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR), warga pendidik mula menggunakan opsyen untuk menjalankan kelas secara atas talian. Untuk itu, artikel ini merupakan sebuah kajian secara rawak dengan memilih bagi SK Sungai Stutong, Kuching bagi mengenalpasti isu dan permasalahan adab dan strategi PDPR semasa situasi penularan covid-19. Kajian ini melibatkan seramai 53 orang murid Islam di SK Sungai Stutong bagi tahun 2021. Hanya beberapa buah kelas yang dikaji bagi mengenalpasti masalah adab di kalangan murid sekolah tersebut iaitu murid-murid di kalangan tahun 3 dan 4. Hasil kajian mendapati bahawa guru, ibubapa dan pihak sekolah memainkan peranan yang penting bagi menjayakan aktiviti PDPR.

**Kata Kunci:** Adab, PDPR, Pandemik COVID-19, Strategi pengajaran dan pembelajaran

**Abstract:** The teaching and learning of Islamic Education must align with the goals of Malaysia's 21st-century national education, emphasizing not only the importance of fostering knowledge but also focusing on 21st-century teaching and learning strategies in accordance with current situations. This alignment became particularly evident when the entire nation faced the Covid-19 pandemic, which directly impacted students by necessitating online learning at home. To ensure that all students could continue their education and acquire knowledge and etiquette during home-based teaching and learning (PdPR) activities, educators began opting for online classes. This article presents a random study selecting SK Sungai Stutong, Kuching, to identify issues and problems related to etiquette and PdPR strategies during the Covid-19 outbreak. The study involved 53 Muslim students at SK Sungai Stutong in 2021, focusing on identifying etiquette issues among students in grades 3 and 4. The findings indicate that teachers, parents and the school play a crucial role in the success of PdPR activities.

**Keywords:** Etiquette, Home-based teaching and learning, Covid-19 pandemic, Teaching and learning strategies

## Pengenalan

Setiap adab seorang murid bermula dari rumah dan dalam pendidikan adab dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti elemen agama, adat dan budaya dariapada keluarga mereka sendiri. Hal ini sangat dititikberatkan supaya keberkatan ilmu yang disampaikan seorang guru atau murabbi akan melimpahi kehidupan setiap murid yang beradab dengan guru mereka. Jika ditelusuri, adab ini terletak dalam komponen akhlak yang merupakan tiang utama dalam Islam. Malah, adab dan akhlak diungkap dalam banyak perkataan yang hampir sama maknanya seperti kesantunan, moral, kesopanan dan kesusilaan. Dalam cabaran dan realiti yang harus ditempuhi guru-guru pada hari ini antaranya adalah isu adab murid yang semakin tipis. Pengorbanan guru diibaratkan sebagai lilin yang membakar diri demi menerangi kehidupan orang lain. Peribahasa Melayu ini menggambarkan kesungguhan serta keikhlasan seorang guru yang sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan murid-murid mereka berjaya dalam kehidupan.

Seiring peredaran zaman, jiwa manusia juga dilihat turut berubah. Bahkan, dalam kecanggihan teknologi dan kemewahan infrastruktur pembelajaran memberi impak serta cabaran terbesar kepada murid-murid. Meskipun pembelajaran secara dalam talian menjadi medium utama pengajaran dan pembelajaran masa kini telah menyebabkan perhubungan dan perjumpaan fizikal tidak berlaku, itu bukanlah prasyarat untuk tidak menghormati guru. Ibu bapa harus memainkan peranan penting membentuk nilai murni dalam diri anak. Sehubungan itu, setiap aspek perlu dijaga bagi memelihara keberkatan ilmu dalam kehidupan sekali gus membentuk potensi diri yang optimum dan pembangunan nilai diri yang seimbang. Antara tujuan kajian yang telah dilaksanakan adalah adalah untuk mengkaji sejauhmana adab dan tingkahlaku murid-murid sekolah rendah Sungai Stutong menjalani Pengajaran dan pembelajaran di rumah serta cara mengatasi masalah keciciran kehadiran murid ketika berlaku wabak Covid-19.

## Penyataan Masalah

### Pengertian Adab

Perkataan adab dari sudut etimologi sebagaimana dijelaskan oleh Abd. Rauf *et al.* (2005) adalah berakar umbi dari bahasa Arab (أدب) yang ditulis dalam rumi sebagai adab, iaitu budi bahasa atau kesopanan. Adab dalam konteks perilaku atau perbuatan merujuk kepada

kebaikan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusilaan, dan kemanusiaan. Sementara tafsiran skop dan perincian Adab mungkin berbeza dalam kebudayaan yang berlainan, Namun titik temu kesamaan yang terdapat dalam tafsiran-tafsiran ini ialah penilaian keperibadian seseorang melalui kepatuhannya terhadap beberapa kod kelakuan. Justeru seseorang itu menunjukkan adab dengan mempamerkan pembezaan aturan, kelakuan, dan kepandaian membuat pilihan yang betul. Sebagai contoh, walaupun Pengajaran dan Pembelajaran di rumah adab dan akhlak murid sebelum, semasa dan selepas menuntut ilmu haruslah ditekankan oleh seorang guru sebelum sesuatu pembelajaran dilaksanakan pada masa yang telah ditetapkan.

Dalam konteks artikel ini, fokus adab yang ingin diketengahkan adalah adab berguru. Perkara ini boleh dirujuk pandangan beberapa sarjana Islam terdahulu.

### **Adab murid terhadap guru sebelum, semasa dan selesai sesi pengajaran dan pembelajaran.**

Dalam menuntut ilmu, adab menghormati guru adalah intipati penting yang perlu ada dalam diri setiap pelajar. Setiap pelajar wajib menghormati gurunya agar ilmu yang dipelajari mendatangkan keberkatan dan keredaan Allah. Hal ini diungkapkan dalam hadis Riwayat Imam Ahmad bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Bukanlah di kalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua, mereka yang tidak menyayangi anak kecil dan mereka yang tidak memberikan hak kepada guru kami.” Baginda menyarankan agar memberikan hak kepada guru dengan menzahirkan rasa hormat dan sopan apabila berguru. Sahabat baginda juga amat menghormati Rasulullah dengan merendahkan suara dan tidak memberikan pandangan yang tajam kepada baginda. Situasi ini diperlihatkan dalam hadis Riwayat Imam al-Bukhari yang memerihalkan bahawa sahabat bercakap dengan suara yang rendah (bersopan) ketika bertutur dengan Rasulullah SAW serta tidak menajamkan pandangan mereka (merenung dengan tajam) kerana menghormati baginda. Sebagai contoh semasa sesi PDP berlangsung murid yang ingin berosoal jawab mengenai topik yang diajarkan pada masa tersebut hendaklah bermula dengan “maafkan saya cikgu, saya ingin bertanya”. Ini menunjukkan perbuatan tadi secara tidak langsung menghormati guru yang sedang mengajar. Perbuatan lain selain perbuatan soal jawab, memberi salam ketika mula kelas, membaca doa serta diakhiri dengan ucapan terima kasih kepada guru yang mengajar pada masa itu.

### **Sokongan dan dorongan ibubapa.**

Memetik kata-kata ulama tersohor Imam Al-Ghazali (1986), dalam karya beliau Ihya Ulum al-Din, beliau mengangkat martabat guru dengan menyatakan: “Sesungguhnya ibu bapa adalah sebab kewujudan seorang anak di muka bumi ini, namun kehidupan ini akan binasa, sedangkan guru sebab kepada kejayaan abadi seseorang di akhirat yang kekal selamanya.” Berdasarkan kata-kata Imam Al-Ghazali ini tidak dinafikan hadirnya guru membawa kejayaan dalam kehidupan setiap individu. Guru menjadi penyuluhan dalam kegelapan, memberi sinar harapan kepada anak didik untuk terus bangun dan melakar kejayaan dalam kehidupan. Ilmu yang disampaikan menjadi manfaat dan panduan hidup sepanjang zaman dan merungkai setiap kejahilan yang ada dalam diri. Walaubagaimanapun, sebagai ibubapa haruslah memainkan peranan utama dalam menjayakan pendidikan kanak-kanak kerana awal pendidikan bermula daripada rumah. Segala perilaku, perbuatan kita terhadap anak-anak adalah bermulanya pendidikan secara tidak langsung kita terhadap anak-anak di rumah.

Oleh itu, pentingnya adab berguru dipraktikkan selama menuntut ilmu bahkan selepas menuntut ilmu juga harus dituntut untuk menghormati guru, hal ini ditekankan kerana tingginya martabat dan pengorbanan seorang guru dalam perjuangan mereka menyampaikan ilmu kepada anak

murid. Majoriti murid yang lulus cemerlang dalam akademik tidak melihat kejayaan mereka adalah hasil pengorbanan seorang guru yang mendidik mereka. Bahkan hanya segelintir sahaja yang masih mengenang jasa guru mereka kerana mendidik mereka hingga berjaya. Akhirnya kejayaan yang diperoleh hanya memenuhi tuntutan intelek sistem pendidikan, namun gagal dalam aspek pembinaan jati diri dan akhlak mulia yang menjadi salah satu dokongan utama dalam falsafah pendidikan kebangsaan.

### **Objektif kajian.**

Untuk mengenalpasti masalah kehadiran murid semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah dan menjelaskan strategi pengajaran dan pembelajaran.

Untuk memastikan murid menghadiri sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah dengan bimbingan dan tanpa bimbingan dengan jayanya.

Untuk memastikan pentaksiran tugas murid seiringan dengan adab murid.

### **Tinjauan Literatur.**

Perbincangan mengenai adab berguru dalam dunia pendidikan memang menjadi bahan perbincangan dan perdebatan di kalangan ilmuwan Islam.

#### **Peranan guru.**

Menurut Asmawati, Rahyl dan Abdul Rahman (2001), guru dapat mempengaruhi persepsi dan kefahaman pelajar tentang nilai murni di sekolah. Hal ini demikian kerana guru merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar di sekolah selepas keluarga mereka. Oleh itu, tanggungjawab guru dalam mendidik dan memupuk nilai murni terhadap pelajar tidak boleh dipandang ringan. Kajian Sarimah *et al.* (2011) pula mendapati bahawa sikap prihatin guru dalam masalah pelajar dan menjadi suri teladan yang baik boleh dicontohi oleh pelajar, dapat meningkatkan penghayatan akhlak pelajar. Pada kelazimannya, guru sebagai idola kepada pelajar. Sikap prihatin masalah pelajar dan teladan baik guru mudah mempengaruhi pelajar. Pelajar mudah menginterpretasi sesuatu yang dilakukan oleh guru mereka, sama ada cara guru bertutur ataupun bertingkah laku. Oleh itu, seseorang guru perlulah sentiasa menunjukkan sikap positif dalam diri bagi menanamkan sikap positif dalam diri pelajarnya (Zuria & Salleh 1998). Jika tidak, segala teladan negatif guru akan mempengaruhi dan diikuti oleh pelajar.

Nur Hanisah Ahmad Saifudin dan Mohd Isa Hamzah (2021) pula menjelaskan penglibatan guru dan murid serta kerjasama ibu bapa amat penting dalam memastikan PdPR berjalan dengan lancar. Tambahan pula, perhatian yang sewajarnya harus diberikan kepada murid sekolah rendah yang berumur dalam lingkungan tujuh hingga dua belas tahun yang memerlukan bimbingan dan sokongan ibu bapa di rumah dalam mencapai tahap prestasi cemerlang yang diinginkan oleh pentadbiran sekolah bahkan mungkin akan menyebabkan berlakunya keciciran dalam mata pelajaran. Maka, penglibatan semua pihak amat penting dalam memastikan proses PdPR berjalan dengan lancar. Jika kerjasama antara pihak-pihak yang berkaitan tidak berjaya, maka aktiviti pdpr bersama murid tidak akan berjaya dilaksanakan. Selanjutnya, Mui Ai Chai dan Aidah Abdul Karim (2022) menunjukkan hasil kajian yang merumuskan guru menghadapikekangan dalam menjayakan PdPR. Kekangan ini berpunca daripada guru dan murid daripada pelbagai aspek. Hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan kesediaan ibu bapa merupakan satu daripada faktor utama dalam menentukan kejayaan PdPR. Oleh itu, interaksi dan usaha kolaboratif antara guru, ibu bapa dan pentadbir sekolah perlu ditingkatkan bagi membantu kejayaan PdPR. Dorongan dan bimbingan ibubapa adalah pendorong kejayaan PDPR murid-murid di rumah selain guru-guru yang mengajar serta sokongan daripada Pentadbir sekolah bagi melancarkan aktiviti PDPR.

### **Perlibatan ibubapa.**

Pelbagai kaedah juga dijalankan bagi pelaksanaan PDR berjalan lancar. Kaedah pengajaran berbentuk pemerhatian atas talian seperti *flipped classroom* yang sesuai dijalankan menggunakan platform yang berbeza kepada murid-murid berdasarkan jenis capaian internet murid. Meskipun dilihat sebagai satu cara yang renyah, kaedah ini dilihat berkesan dalam membolehkan pembelajaran murid dicapai secara maksimum. Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21 yang kreatif dan inovatif bagi disesuaikan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam adalah dengan melalui pembelajaran *flipped classroom*. Dalam hal ini, Abeysekera dan Dawson (2014) pula menyifatkan *flipped classroom* sebagai salah satu pendekatan pembelajaran teradun (*blended learning*).

### **Cabar teknologi.**

Elemen pembelajaran teradun ini mengintegrasikan kedua-dua kaedah pembelajaran iaitu pembelajaran secara bersemuka melalui perbincangan dalam kumpulan dan pembelajaran atas talian di luar kelas melalui tontonan video (Halili & Zainuddin, 2015). Perkara ini disokong oleh Bishop dan Verleger (2013) yang menyatakan bahawa *flipped classroom* merupakan kaedah pedagogi digital yang menggunakan bahan berdasarkan video sebagai kerja rumah (*homework*) dan aktiviti berdasarkan penyelesaian masalah dilaksanakan di dalam kelas. Kaedah ini menggabungkan teori pembelajaran yang unik iaitu konstruktivisme dan behaviourisme. Pelbagai aplikasi jaringan 2.0 sesuai diimplementasi dalam rekabentuk pengajaran terutamanya *flipped classroom*. Antaranya ialah *Google Doc*, *Quizlet*, *Flipgrid*, *Padlet*, *worksheet* dan lain-lain lagi. Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21 yang kreatif dan inovatif bagi disesuaikan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam adalah dengan melalui pembelajaran *flipped classroom*. Strategi pengajaran berdasarkan konvensional mempunyai kelemahan seperti pengajaran berpusatkan guru, kurangnya interaksi dan penglibatan pelajar, tiada kreativiti dan inovasi dalam merekabentuk pengajaran dan pemahaman pelajar berdasarkan penghafalan semata mata (Orlich *et al.* 2012).

Menurut Abdul Latif dan Lajiman (2011), pelajar menunjukkan perkembangan positif apabila penggunaan teknologi diintegrasikan dalam rekabentuk pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran. Sailin dan Mahmor (2018) juga mendapati penggunaan teknologi jaringan 2.0 dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran bermakna pelajar, menerusi pelbagai aktiviti pembelajaran interaktif yang menyokong penguasaan pengetahuan aras tinggi. Penggunaan teknologi yang bertepatan dan bersistematis bukan sahaja membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran tetapi juga membantu meningkatkan kefahaman serta motivasi pelajar (Abu Bakar, 2013). Implementasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan kaedah pedagogi digital yang baru seperti *flipped classroom* kerana kaedah ini menyokong gaya pembelajaran abad ke 21. Setelah sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan seterusnya adalah sesi penilaian dan petaksiran kurikulum, Lee Lai Guan *et al.* (1998) menjelaskan penilaian kurikulum adalah satu proses pengenalpastian, pemerolehan dan pemberi maklumat yang berguna bagi membuat keputusan dan pertimbangan mengenai sesuatu kurikulum. Satu proses yang berterusan dalam pembangunan kurikulum bagi meningkatkan lagi mutu kurikulum yang dibina dan dilaksanakan, mengkaji tahap kejayaan atau keberkesanannya sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan (Zuber Hassan 1998).

Betapa pentingnya penilaian dan pentaksiran ke atas murid-murid selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi mengetahui tahap pencapaian akademik setiap murid sekolah. Menurut Teori Tyler Tyler (1949) dalam Ainon Mohd (2005) telah menjalankan satu kajian mengenai kurikulum

penilaian pada tahun 1940-an dan beliau telah membawa satu perubahan yang besar dalam penilaian pendidikan.

### **Metodologi Kajian.**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan metode analisis kandungan dengan rujukan lampau serta tinjauan lapangan melalui soalan kaji selidik dan temubual. Data diambil secara pemerhatian murid-murid yang terpilih sepanjang pelaksanaan PDPR. Pemilihan dibuat antara tempoh Mac 2020 sehingga Disember 2021. Terdapat beberapa langkah dan prosedur yang perlu dijalankan dalam kajian ini sebelum ia menjadi satu penyelidikan yang lengkap.

Langkah pertama adalah dengan mengenal pasti masalah utama. Bagi mendapatkannya, kajian melalui pelbagai sumber rujukan telah dibuat seperti penelitian dan pembacaan jurnal, artikel, internet dan buku-buku berkaitan. Pengkaji telah memilih hanya murid agama islam tahun 3 dan 4 kerana paling ramai hadir kelas subjek pendidikan islam secara *Google Meet* yang diadakan di rumah berbanding murid tahun 1, 2, 5 dan 6. Jumlah keseluruhan murid Islam di premis sekolah kajian hanya seramai 53 orang berbanding agama lain. Jumlah keseluruhan sekolah adalah 253 orang. Artikel ini menggunakan kaedah soalan kaji selidik. Terdapat 20 soalan yang mudah difahami murid dengan bantuan ibubapa di rumah dan sebanyak 10 sampel masing-masing 4 orang tahun 3 dan 6 orang tahun 4 telah diedarkan secara dalam talian. Guru juga membantu sepanjang sesi menjawab soalan kajian. Sampel ini dipilih berdasarkan kehadiran dan bilangan murid yang ramai hadir semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Selain aplikasi *Google Meet* digunakan, penggunaan aplikasi *Google Flipgrid* dan rakaman audio/video murid-murid untuk membuat penilaian adab dan tugas yang telah disiapkan oleh murid-murid tersebut kerana aplikasi ini mudah, tidak kira masa memandangkan murid-murid tahun 3 dan 4 kebanyakkannya menggunakan telefon ibubapa yang bekerja waktu siang hari. Terdapat juga keluarga yang tidak berkemampuan dan hanya memiliki satu telefon sahaja. Ia juga tidak memerlukan penggunaan data internet yang banyak berbanding *Google Meet* dan aplikasi yang lain.

Sementara aplikasi *Flipgrid* adalah platform perbincangan berdasarkan video yang membolehkan guru dan murid-murid merakam video secara atas talian dengan mudah. Guru boleh membentuk kelas atau topik untuk merancang perbincangan, dan pautan video berkenaan untuk rujukan murid-murid. Guru dan murid-murid lain boleh memberi maklum balas kepada sesuatu video dengan membalas video yang dimuatnaik. Selain sesuai digunakan sebagai platform perbincangan (*in-class*), aplikasi *Flipgrid* juga sesuai digunakan sebagai platform refleksi bagi menggalakkan amalan refleksi dalam kalangan murid-murid (*out class*). Perbincangan dan refleksi berdasarkan video ini juga membantu mencapai refleksi kendiri murid-murid di rumah.

### **Dapatan Kajian**

Pengajaran dan pembelajaran di rumah merupakan isu hangat sekarang ini kerana penularan wabak Covid 19 sejak akhir tahun 2019. Amalan Pengajaran dan pembelajaran di rumah yang dijalankan hendaklah mengikut keadaan murid di rumah samada mempunyai kemudahan seperti telefon sendiri ataupun masih menggunakan telefon ibubapa yang ada juga bekerja. Lokasi talian internet juga memainkan peranan yang cukup signifikan. Ini kerana sekiranya seseorang murid berada di kawasan bandar mungkin tiada bermasalah bagi mendapatkan akses talian internet. Namun, ia menjadi perkara besar sekiranya murid yang berada bukan di kawasan bandar, iaitu

kawasan di luar bandar yang menghadapi masalah capaian internet yang sangat lemah. Murid terpaksa mencari capaian internet di tempat yang berdekatan tempat kediaman masing-masing.

**Jadual 1: Bilangan kehadiran murid tahun 3 dan 4.**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jum.Murid</b>	<b>Hadir</b>	<b>Tidak Hadir</b>
1	Murid tahun 3	7	4	3
2	Murid tahun 4	11	6	5
	Jumlah		10	8

Antara alternatif lain, murid dibekalkan nota dan latihan secara manual. Guru akan menghantar nota dan latihan melalui sekolah. Manakala ibubapa murid akan mengambil di sekolah untuk disiapkan di rumah masing-masing. Sebanyak 10 orang murid masing-masing 4 orang tahun 3 dan 6 orang tahun 4 telah mengikuti PDPR dengan bimbingan ibubapa dan tanpa bimbingan ibubapa. Butiran perkara ini dipaparkan dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 2: Taburan Murid Yang Mendapat melaksanakan PDPR Dengan Bimbingan dan Tanpa Bimbingan**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>PDPR Dengan Bimbingan</b>	<b>PDPR Tanpa Bimbingan</b>
1	Murid tahap 1 (tahun 3)	1 orang(25%)	3 orang (75%)
2	Murid tahap 2 (tahun 4)	2 orang (33%)	4 orang (66%)

Berdasarkan jadual 1 di atas, taburan kadar peratusan murid tahun 3 sehingga 4 berjaya hadir dan berjaya melaksanakan tugas PDPR dengan bimbingan dan tanpa bimbingan. Kehadiran serta tugas murid seiringan dengan adab murid sebelum, semasa dan selepas PDPR.

#### **Strategi pengajaran dan pembelajaran.**

Bagi murid tahap 1 terutamanya yang perlu bimbingan daripada ibubapa atau penjaga di rumah, setiap guru digalakkan memperbaikan kaedah pembelajaran. Ini kerana sesetengah tempat mempunyai liputan talian internet, dan sementara kawasan lain pula mempunyai masalah dalam mendapatkan akses internet walaupun mereka menetap di kawasan bandar. Terdapat juga murid terpaksa menunggu ibubapa balik ke rumah barulah mereka dapat mengulangkaji video pembelajaran dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh cikgu subjek. Antara kaedah lain pengagihan tugas melalui kumpulan *WhatsApp* agar ibubapa tidak terlepas pandang memandangkan aplikasi *WhatsApp* merupakan suatu aplikasi penting masa kini. Aktiviti dipelbagaikan agar murid-murid tidak jemu jika berpandukan buku teks sahaja. Terdapat pelbagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dari aplikasi *Telegram*. Umpamanya, BBM Cikgu Syahadah boleh digunakan agar menjadi panduan untuk bagi aktiviti PDPR yang menyeronokkan di rumah. Menurut Melor dan Mohd Zairey (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian dapat meningkatkan prestasi pelajar dan pembelajaran dalam talian lebih menarik berbanding pembelajaran bersemuka.

Selain itu, kaedah pembelajaran yang sesuai digunakan adalah aplikasi *Worksheet Live*, *Google Form* dan pelbagai lagi cara lain agar tidak membebankan ibubapa mencetak serta membeli bahan cetakan seperti dakwat pencetak dan kertas saiz A4. Mereka hanya perlu tangkap layar (*screenshot*) dan hantar kepada cikgu subjek dapat melaksanakan pentaksiran atas talian. Bagi tugas tasmik (pengajaran al-Quran) pula, cikgu subjek memberikan pautan *YouTube* contoh bacaan dan juga memberikan arahan agar murid mengikut bacaan serta merakam suara atau video

masing-masing kepada cikgu subjek supaya dapat memperbaiki bacaan mereka jika ada yang silap. Terdapat juga di mana murid tidak dapat menghantar tugas kerana tidak mempunyai telefon sendiri, peranti Android yang pegun atau tidak bertindak balas (*legging*), dan pelbagai lagi masalah yang tidak dilakukan. Tambahan pula, ketika itu banyak kedai telefon dan kedai buku tidak beroperasi kerana arahan menutup tempat awam. Sementara itu, murid-murid digalakkan membaca sendiri dengan dibimbing oleh ibubapa di rumah.

### Pentaksiran

Istilah pentaksiran atau *assessment* yang berasal daripada perkataan Greek ‘*Assidere*’ iaitu bermaksud ‘duduk di sisi’. Pengertian ini sesuai dengan apa yang dilakukan oleh ibu bapa dalam mengajar al-Quran dalam tradisi pendidikan orang Melayu. Proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berlaku secara timbal balik dan sepadu di mana sambil mengajar anaknya mengaji al-Quran, seorang ibu membuat pentaksiran secara tidak formal kerana dia tahu adakah anaknya telah menguasai apa yang dipelajari atau belum. Si ibu juga tahu sama ada anaknya perlu mengulang balik atau meningkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Di samping itu, ibu akan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang holistik sifatnya semasa proses tersebut berjalan. Dalam hal ini si ibu tidak perlupun mengadakan ujian atau peperiksaan yang formal tetapi dia tetap dikatakan mendidik menggunakan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang sepadu. Teori Tyler (1949) dalam Ainon Mohd (2005) telah menjalankan satu kajian mengenai kurikulum penilaian pada tahun 1940-an dan beliau telah membawa satu perubahan yang besar dalam penilaian pendidikan.

Dalam kajian ini, kadar peratusan pentaksiran tugas murid-murid mengikut tahap kemampuan dan usaha murid-murid bagi mencapai objektif pembelajaran bagi subjek Pendidikan Islam mengikut tahun boleh ditunjukkan sebagaimana dipaparkan dalam jadual 2 di bawah.

**Jadual 3: Kadar Peratusan Pentaksiran Tugasan Murid Seiringan Dengan Adab Murid Sebelum, Semasa dan Selepas pengajaran dan pembelajaran di rumah(PDPR).**

Bil	Perkara	PDPR Dengan Bimbining
1	Pentaksiran PBD bagi murid tahun 3	PBD tahap 2 sebanyak 1 orang (25%) manakala tahap 3 sebanyak 3 orang (75%)
2	Pentaksiran PBD bagi murid tahun 4	2 orang (PBD tahap 3 adalah sebanyak 2 orang (33%) manakala tahap 4 dan 5 masing-masing adalah sebanyak 4 orang (66%)33%)

Menurut pandangan Tyler, kurikulum adalah sepatutnya diorganisasikan di sekitar objektif yang eksplisit dan kejayaannya adalah ditentukan berdasarkan kepada pencapaian pelajar dalam memenuhi objektif tersebut. Teori ini telah menandakan satu anjakan daripada perkara yang berkaitan dengan penilaian pelajar secara individu kepada penilaian kurikulum. Dalam teori tersebut, Tyler membayangkan bahawa pelajar mempunyai pencapaian yang lemah bukan disebabkan oleh kurang upaya tetapi terdapat kelemahan dalam kurikulum. Semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, banyak aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan pengajaran. Dalam pengajaran, seorang guru perlu tahu apakah objektif mata pelajaran yang diajarnya serta apakah konstruk yang hendak disampaikan dalam pengajarannya. Seorang guru perlu tahu merancang aktiviti yang hendak pelajar lakukan untuk mencapai objektif mata pelajarannya. Guru perlu kreatif dalam membuat cadangan aktiviti PdP.

Pentaksiran mungkin berlaku serentak dan ada kalanya berlaku selepas aktiviti pengajaran seorang guru. Semasa pentaksiran, persoalan yang sering timbul ialah apakah yang hendak ditaksir, elemen-elemen yang ingin ditaksir dan apa yang harus dikuasai oleh seorang pelajar dalam elemen-elemen itu tersebut. Setelah itu, persoalan yang timbul pula ialah apakah bentuk evidens yang hendak diperoleh sebagai petunjuk prestasi. Bagaimana pula caranya untuk memberi skor atau memberi skema penskoran menurut elemen yang telah ditaksirkan. Akhir sekali, setelah ditaksirkan bagaimana caranya merekod kedalam borang skor individu pelajar. Bagaimana pentaksir membuat rumusan dalam pengredan dan melaporkan keputusan atau prestasi setiap individu. Pentaksiran perlu dirancang dengan teliti. Seorang guru perlu tahu apakah matlamat atau objektif pentaksiran sebelum melaksanakannya. Elemen serta kriteria dalam pentaksiran adalah perlu dirancang dengan teliti. Ini adalah bertujuan supaya ianya lebih jitu dan guru tahu apa yang ingin diuji atau ditaksir. Guru juga perlu ada petunjuk prestasi yang tepat untuk melihat kedudukan prestasi pelajar mereka supaya pentaksiran lebih berkesan.

Perancangan pentaksiran ini lebih baik jika melalui proses pemerhatian, temu bual menggunakan senarai semak, ada projek terancang, kaji semula dan ada tahap peningkatan prestasi. Pentaksiran dan adab murid sebelum, semasa dan selepas dilaksanakan PDP saling berkaitan bagi memberikan skor pentaksiran bilik darjah (PBD) seseorang murid. Kaedah pembelajaran dalam talian juga mempunyai cabaran lain seperti mengurangkan rasa hormat murid terhadap guru yang mengajar kerana mereka beranggapan guru tiada di hadapan mereka jadi mereka boleh bertindak sesuka hati seperti bermain video, menutup kamera supaya gerak geri murid tidak diketahui oleh guru, meniru jawapan di internet dan berada di tempat yang tidak sesuai untuk bertanyakan soalan bahkan ada yang membuka kamera untuk menunjukkan sesuatu yang tidak sepatutnya ditunjuk (Nur Khamsiah, 2021). Perbuatan yang dinyatakan itu juga boleh dijadikan skor PBD murid rendah. Walaupun markah peperiksaan mereka tinggi. Maka setiap pembelajaran dan pelajaran murid harus diakhiri dengan pentaksiran secara berterusan (PBD) walaupun hanya dalam talian. Jika disebaliknya, murid sentiasa patuh dengan arahan guru skor PBD murid akan menjadi tinggi kerana sikap dan tingkah laku murid dikira sebagai PBD juga selain markah akademik yang tinggi.

## Penutup

Kesimpulannya, kerjasama dan keprihatinan ibubapa, penjaga atau pihak sekolah, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat membantu bagi menyelesaikan masalah serta isu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) serta pentaksiran atas talian dengan sebaiknya bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran(PDP). Disamping itu, guru dapat menilai keseluruhan adab dan tahap ilmu kefahaman yang dicapai oleh murid melalui pentaksiran setiap semester persekolahan walaupun terhalang oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa COVID-19. Peranan guru sebagai pengajar, peranan ibubapa sebagai pembimbing di rumah, peranan pihak sekolah bagi memastikan perjalanan pengajaran dan pembelajaran (PdPR) berjalan lancar dan JPN Sarawak juga memainkan peranan penting bagi mengumpul data kehadiran murid PdPR dirumah bagi mengurangkan kadar kecinciran murid semasa pandemik. Semuanya memainkan peranan penting bukan sahaja memastikan ilmu dapat disampaikan dengan baik bahkan motivasi dan kesungguhan murid bagi menuntut ilmu juga bergantung kepada bimbingan, dorongan dan persekitaran murid itu sendiri supaya sentiasa bersungguh-sungguh ingin belajar dan murid dapat mengaplikasi ilmu serta kefahaman secara beradab dan akhlak mulia walaupun hanya belajar di rumah.

## Rujukan

- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd Zain (2005). *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Abdullah Hassan Dan Ainon Mohd. (2005). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad (1986). *Ihya 'Ulum Al-Din*, Dar Al-Fakr, Beirut, Lubnan.
- Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin, dan Abdul Rahman Mad Aroff (2001). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Pendidikan Moral. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi*, 23-25 Mei, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Atikah Bashirah, Ahmad Mazri & Rozaimah (2021) Persepsi pensyarah terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan pembelajaran dan pembelajaran di rumah(PDPR) semasa Pandemik Covid-19. *Journals of STEM Education*, 101 No.1 (2021)
- Ehwan Ngadi (2020). *Covid 19: Implikasi Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Farah Mohamad Zain dan Siti Nazuar Sailin (2019). Flipped Classroom: Implementasi Aplikasi Web 2.0 dalam Rekabentuk Pengajaran. *Seminar Wacana Pendidikan 2019 (SWAPEN 2.0)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*.
- Khodori Ahmad (2012). Kepimpinan pentaksiran holistik memacu modal insan kreatif dan inovatif. *Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Genting Highland, September 2012.
- Lee Lai Guan, Abd. Shukur A. Saghir, Jusni Nasirun, Ku Bahaudin Ku Hashim, Zuber Hj. Hassan (1998). Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) 14 minggu Latihan Guru Sekolah Bestari. *Laporan Projek Institusi Perguruan Darul Aman*. Bahan yang tidak diterbitkan. Kedah: Institut Perguruan Darul Aman.
- Mui Ai Chai dan Aidah Abdul Karim (2022). Perlaksanaan dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam kalangan Guru Sekolah Rendah Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Malaysia*. Vol 7 No 12 (2022): 31 Disember 2022.
- Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkufli Mahayudin & Zakiah Noordin (2012). *Falsafah & Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Bhd.
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin dan Mohd Isa Hamzah (2021). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol 3 No 3 (2021): Sep 2021.
- Nur Khamsiah (2021) Tanggungjawab menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian PDPDT. *International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)-Online Conference 6 April 2021*.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Global Journal Al Thaqafah* 1(1): 71-78.
- Zuber Hassan (1998), Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Rendah. *Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan*. Bahan yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zuria Mahmud dan Salleh Amat (1998). Guru Berkesan: Kemahiran Dalam Menangani Pelajar. *Seminar Jawatankuasa Penyelarasan Guru*. Pendidikan Guru untuk sekolah berkesan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.